

Bab 1

Pengenalan

Perkembangan dalam dunia teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) membawa banyak perubahan dalam pelbagai bidang. Di Malaysia, TMK merupakan bidang yang masih baru, namun berbagai-bagai usaha sedang dijalankan untuk meningkatkan lagi pengetahuan masyarakat umum mengenai kepentingan TMK kepada negara. Ini adalah kerana dalam Ekonomi Baru, maklumat menjadi kunci kepada produktiviti dan pertumbuhan. Melihat perkembangan dunia TMK ini, saya ingin menjalankan satu analisis serta kajian mengenai salah satu daripada cabang TMK iaitu dunia penerbitan elektronik.

Penerbitan elektronik kini menjadi saingen utama penerbitan tradisional seperti percetakan akhbar dan majalah. Perkembangan dalam sistem komputer multimedia membolehkan penerbitan elektronik menjadi lebih kukuh dan mudah mendapat tempat di kalangan masyarakat. Penerbitan elektronik dalam talian mempunyai kaitan rapat dengan teknologi komunikasi baru ini. Maka, sebelum mengetahui bidang penerbitan latarbelakang TMM juga harus diketahui untuk memahami dengan lebih lanjut penerbitan akhbar dalam talian.

Di sekitar tahun 1995, kebanyakan akhbar utama di Amerika Syarikat menyiaran berita-berita yang berhubung dengan Internet. Antaranya, *The New York Times* (<http://www.nyt.com>), *The Wall Street Journal* (<http://www.wsj.com>), *Barron's* (<http://www.barrons.com>), *Newsweek* (<http://www.newsweekspecials.com>), dan lain-lain lagi. Selain daripada itu, kemunculan akhbar-akhbar ini dalam talian meningkatkan lagi skop pembaca serta jangkauan masyarakat secara umumnya.

Saya akan menjalankan kajian terhadap penerbitan akhbar elektronik di Malaysia. Di negara kita, terdapat beberapa buah akhbar tempatan yang kini mempunyai laman web

atau akhbar dalam talian sebagai sumber maklumat kedua untuk masyarakat. Di bawah adalah antara akhbar dalam talian tempatan.

Jadual 1.1: Senarai akhbar-akhbar dalam talian di Malaysia

No	Akhbar	Alamat Internet
1	Berita Harian Online	http://www.bharian.com.my
2	Business Times	http://www.emedia.com.my/Current_News/B/
3	Daily Express	http://www.dailyexpress.com.my
4	Harakah	http://202.157.186.6/
5	Kwong Wah Yit Poh	http://www.kwongwah.com.my/
6	Nan Yang Siang Pau	http://www.nanyang.com.my/
7	New Straits Times	http://www.nst.com.my
8	Sarawak Tribune	http://www.jaring.my/tribune/
9	Sin Chew Jit Poh	http://news.sinchew-i.com/gmi/
10	The Star Online	http://www.thestar.com.my
11	The Sun	http://www.thesundaily.com/
12	Malaysia Kini Online	http://malaysiakini.com
13	Agenda Malaysia	http://www.agendamalaysia.com
14	Utusan Malaysia Online	http://www.utusan.com.my/
15	Agenda Daily	http://www.agendadaily.com/
16	Dinamani Tamil Daily	http://www.dinmani.com/

Akhbar *The Star Online* merupakan akhbar dalam talian pertama di Malaysia. Kini ia telah berkembang dengan begitu pesat sehingga mempunyai sistem komputer sendiri atau pelayan web mereka di Malaysia. Pada permulaan penerbitan akhbar dalam talian *The Star*, pelayar web dari Amerika Syarikat digunakan. Perkembangan dunia penerbitan elektronik ini semakin maju ke hadapan dengan munculnya pelbagai akhbar dalam talian yang lain seperti *Utusan Malaysia*, *The New Straits Times* dan sebagainya.

Kini akhbar dalam talian menjadi semakin popular di kalangan masyarakat tempatan dan lebih-lebih lagi di kalangan masyarakat tempatan yang berada di luar negara. Tumpuan khusus kajian ini adalah terhadap unsur rekabentuk dan rekaletak akhbar dalam talian. Penerbitan akhbar yang bermula dengan akhbar cetak dan kini diikuti oleh perkembangan akhbar dalam talian mempunyai banyak perbezaan dari segi rekabentuk. Malah dari segi kandungan terdapat banyak perbezaan antara kedua-dua jenis media komunikasi ini.

Pada hari ini, manusia lebih cenderung menggunakan komputer dalam memproses maklumat yang diterima. Sistem fail yang dulu diamalkan kini diambil alih oleh pangkalan data komputer yang dikatakan lebih cepat dan cekap. Pada hari ini, Internet menjadi satu media komunikasi yang semakin banyak peminatnya, khususnya di kalangan para remaja yang menggunakan Internet untuk pelbagai tujuan. Antaranya, mendapatkan ilmu pengetahuan, menghantar mel elektronik dan bermain mainan komputer.

Dalam dunia rekabentuk, banyak perubahan yang telah berlaku. Rekaletak dan rekabentuk kebanyakan bahan media cetak kini lebih menarik, berbanding dengan perekaan bahan cetak pada masa sebelum kemunculan penerbitan menggunakan komputer. Berbanding akhbar cetak, akhbar dalam talian menggunakan konsep simbol atau imej yang menandakan realiti.

Jika dikaji dengan teliti terdapat beberapa aspek yang dapat kita sentuh berkenaan dengan kesan teknologi komunikasi maklumat ke atas penerbitan akhbar secara tradisional. Sebagai contoh ialah tahap interaktif. Kebolehan masyarakat untuk berkomunikasi dengan pihak akhbar atau wartawan menjadi lebih mudah dengan adanya kemudahan mel elektronik.

Yang paling penting ialah, akhbar dalam talian tidak ada batasan dari segi pembacanya. Ini adalah kerana pengguna yang mempunyai kemudahan Internet dapat membaca akhbar dalam talian tidak kira dari mana sahaja mereka berada. Peningkatan dalam jumlah pengguna Internet dapat dilihat dengan jelas melalui carta di bawah.

Jadual 1.2 : Nielsen//NetRatings Global Internet Index**Aktiviti mengikut kategori, di rumah, Julai 2000**

Statistik penggunaan Internet mengikut kategori di *United States of America, United Kingdom, Australia, New Zealand, Canada, Japan, Ireland and Singapore*

Kategori	Jumlah Pengguna	% Capaian (Aktif)	% Capaian (Aktif)
Enjin Pencarian / Portals	107,543,846	88.19	0:08:01
Telekom/Perkhidmatan Internet	78,516,293	64.39	0:06:19
Hiburan	65,880,257	54.02	0:10:52
Erniagaan	56,112,827	46.01	0:09:28
Berita & Maklumat	55,739,404	45.71	0:09:08
Aktiviti membeli	51,610,604	42.32	0:08:56
Komuniti dalam talian	50,516,785	41.43	0:12:17
Direktori	38,362,416	31.46	0:08:32
Pelaburan, Insuran	32,003,267	26.24	0:14:34
Keluarga dan gaya hidup	31,307,305	25.67	0:09:36
Maklumat Korporat	28,563,471	23.42	0:05:59
Penggangkutan	27,263,540	22.36	0:07:09
Golongan Tua	26,515,427	21.74	0:03:10
Loteri / Perjudian	25,690,613	21.07	0:08:02
Pendidikan	22,268,578	18.26	0:06:50
Kerajaan dan NGO	21,586,344	17.70	0:07:46
Sukan	16,190,938	13.28	0:11:21
Autmotif	13,492,059	11.06	0:08:31

Sumber: Nielsen//NetRatings, Julai 2000 (<http://www.eratings.com/>)

http://banners.noticiasdot.com/termometro/boletines/audiencias/docs/nielsennetratings/2000/netratings_pr_00831.htm

Jadual 1.2 menunjukkan jumlah pengguna mengikut kategori bidang yang terdapat dalam Internet. Kajian ini dibuat di Amerika Syarikat, *United Kingdom, Australia, New Zealand, Kanada, Jepun, Ireland and Singapura*. Menurut hasil kajian A.C. Nielson, terdapat lebih kurang 55,739,404 juta pengguna yang melayari laman web untuk mendapatkan berita dan informasi terkini.

1.1 Tujuan Kajian

Kajian ini adalah khusus pada unsur rekabentuk akhbar dalam talian dan perbezaannya dengan akhbar cetak. Tujuan kajian ini adalah:

1. Menghuraikan konsep teknologi maklumat dalam perkembangannya di Malaysia serta hubungannya dengan penerbitan akhbar.
2. Menghuraikan ciri-ciri fizikal dan teknikal yang terdapat dalam akhbar elektronik.
3. Meneliti persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam rekabentuk akhbar elektronik berbanding dengan akhbar cetak.
4. Meneliti sejauh mana potensi akhbar elektronik sebagai pesaing atau alternatif kepada akhbar bercetak dalam konteks rekabentuk.

1.2 Kepentingan Kajian

Dunia penerbitan kini melalui satu perubahan yang drastik dari segi teknologi serta medium yang digunakan untuk menyampaikan mesej kepada masyarakat. Penerbitan elektronik seperti akhbar dalam talian kian meningkat dan jumlah pengguna internet turut meningkat.

Jadual 1.3: Jadual menunjukkan jumlah pengguna Internet di Malaysia dari tahun 1997 - 2000

Bulan dan Tahun	Jumlah	% Penduduk	Sumber
Disember, 2000	3.7 Juta	16.98	ITU
Disember, 1999	1.5 Juta	6.88	ITU
Januari, 1999	600,000	3.0	Jaring Network
Oktober, 1997	137,436	7	IIDC
Februari, 1997	30,000	0.15	Telekom Malaysia Berhad

Sumber: "How Many Online" Asia – http://www.nua.ie/surveys/how_many_online/asia.html

Berdasarkan jadual 1.3 peningkatan dalam jumlah pengguna internet di negara kita sedang meningkat dari tahun. Pada bulan Februari tahun 1997, jumlah pengguna internet hanya sebanyak 30,000 ribu orang atau 0.15% daripada jumlah penduduk. Jumlah ini meningkat 3.7 juta orang atau 16.98% daripada jumlah penduduk pada bulan Disember tahun 2000. Hanya dalam masa 4 tahun terdapat peningkatan sebanyak 100%.

Apabila melihat kajian-kajian yang telah dijalankan oleh pelbagai ahli sarjana dan penuntut, saya membuat kesimpulan bahawa perekaan laman web adalah aspek yang penting. Masih terdapat banyak kekurangan dalam aspek rekabentuk dan rekaletak, dan ini secara tidak langsung memberikan kesan kepada para pengguna.

Dalam kajian ini, tumpuan diberikan kepada prinsip-prinsip rekabentuk media cetak dan bagaimana prinsip-prinsip media tradisional ini dapat digunakan dalam media elektronik. Selain daripada prinsip-prinsip ini saya turut menggariskan beberapa prinsip asas khusus untuk penerbitan sesebuah laman web antarabangsa.

Maka kajian ini adalah penting dan dapat digunakan sebagai panduan untuk para penerbit media elektronik sama ada majalah, akhbar atau bahan terbitan lain. Dalam kajian ini, saya memberikan tumpuan khusus kepada akhbar *The Star Online*. Saya menggunakan laman web akhbar ini sebagai contoh terbaik dan juga contoh beberapa laman web antarabangsa lain untuk tujuan perbandingan.

1.3 Ujian Kajian Lepas

Terdapat banyak kajian yang menganalisis tabiat serta cara Internet digunakan untuk tujuan penerbitan. Antara kajian itu ialah kajian yang telah dihasilkan oleh Benson (2001) bertajuk “*Paper is still with us*”.

Dalam jurnal ini, beliau memberikan beberapa isi penting dalam mempertahankan penerbitan media cetak secara tradisional. Beliau turut menyatakan bahawa kejayaan industri penerbitan dalam talian banyak bergantung pada pembaca dan seseorang penerbit harus mengambil kira persepsi pembaca. Ujian harus dijalankan ke atas laman web yang direka. Pembaca harus diberi peluang untuk memberikan komen terhadap rekabentuk sesebuah laman web itu.

Dalam kajian Turner (1997) yang bertajuk “*Pioneering an Online Newspaper*”, beliau telah memberikan maklumat mengenai bagaimana akhbar *The Chronicle* telah memulakan projek menerbitkan akhbar dalam talian. Selain daripada itu beliau turut membincangkan masalah-masalah yang dihadapi dalam organisasi beliau ketika

menghasilkan berita-berita dalam bentuk elektronik. Kajian ini boleh dijadikan sebagai satu tunjuk ajar pada syarikat-syarikat baru yang ingin menceburi bidang penerbitan dalam talian. Ini adalah penting kerana pengalaman beliau ini dapat dijadikan pengajaran dan kita dapat lihat bagaimana sebuah akhbar cetak yang kemudian berkembang sehingga berjaya menghasilkan satu versi akhbar dalam talian.

Terdapat satu kajian umum terhadap Akhbar *The Star Online* yang telah dihasilkan oleh saudari Kuan Yee Cheng (1999) dari Jabatan Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Tajuk kajian beliau ialah Penerbitan elektronik: Satu tinjauan dalam penerbitan akhbar *The Star Online*.

Kajian beliau banyak bertumpu kepada aspek teknikal serta secara keseluruhan aspek teknologi bidang penerbitan. Kajian yang dilakukan oleh beliau dapat dikatakan baik dari aspek teknikal, iaitu cara serta fungsi *The Star Online* beroperasi. Melihat pada kajian ini, saya ingin mengembangkan lagi skop kajian yang telahpun dihasilkan oleh beliau dan kajian saya sendiri mengenai TMK. Kombinasi kedua-dua tajuk ini serta penekanan yang akan diberikan iaitu kepada aspek rekabentuk dan rekaletak diharapkan dapat memberikan satu bahan kajian yang dapat membezakan dua media, iaitu media tradisional dan media penerbitan baru.

1.4 Kaedah kajian

Kajian ini menggunakan penyelidikan Analisis Kandungan. Saya mengkaji bidang penerbitan elektronik di negara kita, terutamanya penerbitan akhbar elektronik. Suratkhabar merupakan salah satu media penyebar maklumat kepada masyarakat. Media cetak suratkhabar kini sedang melalui satu revolusi penerbitan seiring dengan perkembangan dunia teknologi maklumat dan komunikasi. Kajian analisis kandungan ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kuantitatif iaitu dengan menganalisa data yang diperolehi dari kajian soal selidik dan juga kaedah visual / grafik rekabentuk laman web.

Kajian ini dijalankan dengan mengambil kira contoh penerbitan elektronik di negara kita. Kebanyakan contoh serta statistik diperolehi melalui akhbar elektronik *The Star Online*. Saya banyak menumpukan perhatian kepada *The Star Online* kerana ia merupakan

akbar dalam talian pertama di negara kita. Selain daripada itu, *The Star Online* pernah dianugerahi beberapa anugerah untuk laman web terbaik dan informasi terkini.

Analisis kandungan ialah suatu teknik penyelidikan yang membuat tumpuan terhadap utusan. Kaedah analisis kandungan membenarkan kajian dilakukan terhadap utusan walaupun daripada apa jua media. Teknik penyelidikan ini merupakan teknik yang popular di kalangan para pengkaji komunikasi.

Saya mengkaji bidang penerbitan elektronik di negara kita, terutamanya penerbitan akhbar elektronik. Suratkhabar merupakan salah satu media penyebar maklumat kepada masyarakat. Media cetak suratkhabar kini sedang melalui satu revolusi penerbitan seiring dengan perkembangan dunia teknologi maklumat dan komunikasi.

Sebagai permulaan saya akan menjalankan satu kajian soal selidik (Lampiran 1). Soalan-soalan yang dikemukakan bercorak pilihan. Dalam hal ini terdapat tiga jenis kategori soalan tertutup iaitu:

- 1 Soalan yang hanya memerlukan satu jawapan sahaja
- 2 Soalan yang mempunyai lebih daripada satu pilihan
- 3 Soalan berbentuk jadual

Selepas menjalankan kajian soal selidik ini, saya akan menjalankan satu kajian kepenggunaan untuk mengetahui pandangan pembaca mengenai kesesuaian elemen-elemen perekaan yang digunakan. Ini merupakan satu kajian yang dijalankan untuk mengetahui pendapat pembaca mengenai cara persempahan serta format akbar dalam talian yang difikirkan mereka sesuai. (Lampiran II) – Borang soal selidik – Kajian Kepenggunaan).

1.5 Cara persampelan

Jumlah responden yang dipilih adalah seramai 100 individu. Pada permulaan saya telah mengumpul data para responden (yang bekerja dan belajar sepenuh masa) di peringkat kolej. Dalam menjayakan kajian soal selidik ini saya telah menggariskan beberapa kriteria seperti berikut:

- Kesemua responden adalah pelajar kolej
- Responden menceburi bidang perkomputeran
- Responden bukan dari satu peringkat umur sahaja
- Responden mempunyai minat yang berbeza-beza


Tujuan saya memilih pelajar kolej terutamanya yang mengambil kursus Multimedia dan Teknologi Maklumat, golongan ini lebih terdedah pada aspek-aspek perekaan laman web. Selain daripada itu, golongan ini telah banyak menghasilkan laman web untuk tujuan pendidikan dan ada pula yang menghasilkan laman web untuk organisasi. Saya berpendapat bahawa golongan ini dapat memberikan idea-idea yang baik dan lebih sesuai untuk menjawab persoalan yang saya kemukakan dalam kajian saya ini.

Saya memilih lima responden untuk menjalankan kajian kepenggunaan ini kerana menurut Nielsen (2000) dalam artikel beliau bertajuk "*Why You Only Need to Test With 5 Users*", beliau mengatakan bahawa jawapan dari satu responden, pemahaman kita akan meningkat dan kita dapat mengetahui pandangan satu per tiga daripada maklumat yang ingin diketahui mengenai kepenggunaan laman web itu.

Apabila kita mengkaji responden yang kedua, setengah daripada pendapat mereka mungkin sama dengan responden pertama. Namun pendapat seseorang adalah berbeza antara satu sama lain, maka kita akan mendapat beberapa maklumat tambahan daripada responden yang kedua. Responden yang ketiga keadaannya adalah sama. Kebanyakan pandangan dari beliau mungkin telahpun diperolehi daripada responden pertama dan kedua, namun responden ketiga akan memberikan data baru tidak sebanyak responden kedua. Maka apabila kita menambah responden selebihnya, jumlah maklumat yang

diperolehi adalah sangat rendah dan data yang sama akan dikumpul. Graf di bawah menunjukkan korelasi antara jumlah responden dan jumlah masalah kepenggunaan.

Graf 1.4: Korelasi antara jumlah responden dan jumlah masalah kepenggunaan



Sumber: Jakob Nielsen, Alertbox (<http://www.useit.com/alertbox/20000319.html>)

1.6 Anggapan

Dalam menjalankan kajian ini beberapa anggapan dibuat mengenai responden. Antaranya:

- Kesemua responden akan memberikan jawapan yang betul
- Kesemua responden menggunakan Internet
- Responden pernah menghasilkan laman web
- Kesemua responden tahu kewujudan akhbar dalam talian

1.7 Had Pencapaian Kajian

Dalam menjalankan kajian ini terdapat beberapa faktor yang menyebabkan keputusan maksimum kajian tidak dapat dihasilkan. Antara masalah-masalah yang dihadapi ialah jumlah responden yang dihadkan hanya 100 individu. Selain daripada itu, kajian dihadkan kepada pelajar kolej yang mungkin tidak mempunyai keupayaan menganalisis keutamaan secara matang. Kajian dalam bidang ini juga sangat kurang di negara kita.

Data-data yang tersedia ada misalnya banyak yang memberikan anggaran serta kajian di negara-negara barat.

1.8 Aspek kajian lain

Saya akan menggunakan kaedah analisis kandungan ini dengan:

1. Mendapatkan jumlah akhbar elektronik yang terdapat di negara kita sehingga hari ini.
Dalam panduan Internet terdapat alamat-alamat laman web yang dikategorikan mengikut bidang. Jumlah laman web yang berbentuk akhbar dalam talian di negara akan diperolehi dari panduan ini.
2. Mengkaji elemen-elemen penting dalam penerbitan elektronik.
Elemen-elemen penting dalam bidang penerbitan elektronik akan diperolehi daripada buku-buku kajian prinsip-prinsip penerbitan, Selain daripada itu, saya juga akan mendapatkan beberapa prinsip daripada syarikat-syarikat penerbitan dalam talian dan universiti-universiti antarabangsa.
3. Mengkaji aspek rekabentuk dan rekaletak akhbar dalam talian
Kajian ini akan dibuat berdasarkan akhbar *The Star Online*. Selain daripada itu, saya juga akan mengambil contoh akhbar antarabangsa lain untuk melihat sejarah penerbitan laman web akhbar dalam talian.
4. Melihat kelebihan yang terdapat pada akhbar elektronik.
Kajian dalam aspek ini lebih merujuk kepada analisis saya terhadap ciri-ciri yang dimiliki oleh kedua-kedua jenis media elektronik. Kebaikan serta keburukan kedua-dua jenis medium komunikasi harus diketahui untuk melihat jangka-hayat medium ini. Selain daripada soal selidik yang saya jalankan, saya juga mendapatkan komen daripada masyarakat antarabangsa. Ini adalah dengan mengambil kira komen pengguna dari laman web www.epinion.com. Walaupun pandangan pengguna di sini adalah dari pelbagai negara, ia boleh digunakan sebagai panduan kerana media TMK ini adalah suatu yang berbentuk global dan pembaca tidak terbatas dari segi penggunaannya.

5. Kajian statistik pengguna Internet mengikut jantina, bidang dan lain-lain lagi.

Statistik-statistik mengenai jumlah pengguna Internet boleh diperolehi daripada syarikat-syarikat kajian antarabangsa seperti A.C. Nielson, International Telecommunication Union, Jaring Malaysia dan IDC.